

Parit jadi tong sampah

Bagan Serai: Kebiasaannya hanya kawasan lapang atau di tepi jalan yang menjadi sasaran pihak tidak bertanggungjawab membuang sampah, namun penduduk di Kampung Nibong Hangus, Kuala Kurau, di sini, menerima nasib lebih teruk apabila parit di kawasan mereka dijadikan 'tong sampah' menyebabkan bau busuk dan pemandangan yang buruk serta kotor.

Menurut penduduk Md Syukor Omar, 33, masalah itu bukanlah baru, tetapi ia sudah berlarutan sejak

hampir lima tahun lalu dan tidak pernah selesai, malah bertambah teruk.

"Penduduk berhampiran parit berkenaan terpaksa menahan bau busuk apabila sampah-sarap berkumpul atau terdapat bangkai binatang yang dibuang.

"Kami pernah bergotong-royong membersihkan parit sebelum ini, namun masalah itu tetap berlaku dan berharap pihak berkuasa seperti Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) Kerian, dapat menyelesaikannya segera," katanya.

PARIT di Kg Nibong Hangus dipenuhi sampah-sarap.

